

# PENIPUAN INTERNET: 'PHISHING'

## APA ITU 'PHISHING' ?

'Phishing' adalah satu bentuk serangan menggunakan emel atau perkhidmatan mesej (contoh: WhatsApp, SMS) yang memperdaya pengguna bagi mendapatkan maklumat peribadi mereka seperti kata laluan, nombor akaun atau nombor kad kredit. Penyerang secara mudah mendapatkan maklumat ini apabila pengguna mengklik pautan palsu atau membuka fail yang telah dijangkiti kod jahat.

## APAKAH MODUS OPERANDI PENYERANG?

Penyerang akan memastikan mesej yang dihantar sangat meyakinkan sehingga pengguna akan segera memberi respons. Ini kerana mesej tersebut seakan-akan dihantar oleh orang yang dikenali penerima atau organisasi tertentu seperti Bank atau Agensi Kerajaan. Penyerang akan menghantar mesej ini kepada beribu atau berjuta pengguna dengan harapan akan ada yang termakan umpan.



## KENALPASTI TEKNIK 'PHISHING'

### Tawaran menarik

Penyerang akan mengumpan pengguna melalui tawaran menarik yang tidak masuk akal seperti perisian percuma, pakej percutian murah atau hadiah wang tunai. (*too good to be true*)

### Berbentuk ugutan

Mesej yang diterima berbentuk ugutan meminta pengguna untuk segera beri maklum balas. Contoh: Pengguna perlu beri respons dengan segera jika tidak mahu akaun emel dinyahaktif.

### Kesalahan tatabahasa

Kesalahan tatabahasa yang sangat ketara sama ada dalam mesej yang diterima atau laman web yang dilawati. Kesalahan seperti ini menunjukkan mesej atau laman web tersebut adalah palsu dan direka oleh individu yang berniat jahat.

### Salutasi yang mencurigakan

Salutasi yang diterima sangat umum (contoh: "Pelanggan yang dihormati") sedangkan emel tersebut daripada rakan atau jabatan anda yang sepatutnya mengetahui nama atau gelaran anda.

### Alamat emel pengirim yang mencurigakan

Mesej yang diterima kelihatan seperti emel rasmi (contoh: emel daripada Ketua Jabatan) tetapi alamat emel 'Reply-to' adalah kepunyaan orang lain.

### Meminta maklumat peribadi

Pengirim mesej atau emel meminta maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan atau nombor kad kredit sedangkan pihak tersebut sepatutnya sudah mempunyai maklumat tersebut (contoh: bank)

### Kandungan yang mencurigakan

Terima emel daripada rakan atau orang yang dikenali tetapi kandungan emel mencurigakan. Hubungi rakan anda untuk pengesahan kerana berkemungkinan akaun emelnya telah digodam.

**-JADILAH PENGGUNA INTERNET YANG BIJAK-**